

Harga simen disemak 4 bulan sekali

BH : Rabu 20/6/2007

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memperkenalkan mekanisme penentuan harga automatik (APM) bagi menetapkan harga simen mulai 1 Januari depan bagi memastikan bekalan tidak terjejas.


Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata menerusi kaedah APM, harga simen akan disemak setiap empat bulan berbanding kini yang ditentukan mengikut bekalan dan permintaan.

"Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barang-Barang Perlu menetapkan bagi industri simen negara, kita masih mengamalkan dasar menentukan harga kawalan simen selama ini dan kita menaikkan harga dari semasa ke semasa mengikut keadaan.

"Tetapi pendekatan seperti ini tidaklah begitu efisien. Oleh itu, mulai 1 Januari depan kita bersetuju harga simen ditentukan melalui apa yang dikatakan APM," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa Kabinet itu di sini, semalam.

Turut hadir pada mesyuarat itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal serta Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau berkata, walaupun harga simen ditentu-



CARI PENYELESAIAN: Najib mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barang-Barang Perlu, di Jabatan Perdana Menteri, semalam. Turut hadir Mohd Shafie dan Nor Mohamed (kanan).

kan setiap empat bulan sekali dengan pengenalan APM, ia masih barang kawalan dan tertakluk mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Berkuat kuasa 1 Disember lalu, kerajaan mengumumkan kenaikan harga siling simen antara 3 hingga 10 peratus. Berikutan itu, harga siling bahan utama bagi kerja pembinaan itu di Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan kini adalah

FAKTA NOMBOR

Harga simen satu tan

RM217

Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak

RM233

Terengganu dan Kelantan

RM219 satu tan berbanding RM198 sebelum ini.

Najib berkata, langkah melaksanakan APM memastikan bekalan simen mencukupi dan menangani kegiatan pasaran gelap untuk produk berkenaan.

"Keputusan ini diterima baik industri pembinaan dan saya kira pengguna juga akan menerimanya kerana kita akan menentukan bekalan simen sentiasa mencukupi," katanya.